

ISLAM DAN PERUBAHAN SOSIAL DALAM MASYARAKAT RUNGUS DI MATUNGONG, SABAH

ISLAM AND SOCIAL CHANGE AMONG RUNGUS COMMUNITY IN MATUNGONG, SABAH

Mohd Nazmi Mohd Khalli¹, Suraya Sintang^{2*} and Romzi Ationg²

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Sabah, Malaysia

²Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia

*Corresponding author: suraya@ums.edu.my

Published online: 31 October 2025

To cite this article: Mohd Nazmi Mohd Khalli, Suraya Sintang and Romzi Ationg. 2025. Islam dan perubahan sosial dalam masyarakat Rungus di Matunggong, Sabah. *Kajian Malaysia* 43(2): 243–266. <https://doi.org/10.21315/km2025.43.2.12>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2025.43.2.12>

ABSTRACT

The Rungus community is one of the sub-ethnic groups belonging to the Dusunic family, which is among the indigenous ethnic groups of Sabah. The majority of these people inhabit the Kudat division of Sabah, covering the districts of Kota Marudu, Pitas, Matunggong, Banggi and Kudat. Initially, the Rungus community adhered to animism and began to accept Christianity after the arrival of British colonialists in Sabah in the 19th century. Islam only began to be accepted by a small part of the Rungus community in the 1970s after the United Sabah Islamic Association (USIA) conducted a mass conversion programme in their settlement area. Thus, this article aims to explain the history of the Islamisation of the Rungus community to shape social change in Matunggong, Sabah. This article is guided by historical research based on a qualitative study focusing on interview methods and content analysis. The findings explain the Islamisation and social change of the Rungus community through three phases: the history of Islamic acceptance among some Rungus individuals, the establishment of religious institutions and the formation of a new Muslim community in Matunggong district. This study contributes to increasing the understanding of the development of Islam in the Rungus community. This needs to be highlighted to understand how religion affects the social change of minority communities in the interior of Sabah.

Keywords: Islamisation, social change, traditional beliefs, Rungus ethnic, Matunggong district

ABSTRAK

Masyarakat Rungus merupakan antara subetnik yang tergolong dalam keluarga Dusun iaitu antara etnik peribumi Sabah yang majoritinya mendiami bahagian Kudat di negeri Sabah, meliputi daerah Kota Marudu, Pitas, Matunggong, Banggi dan Kudat. Pada awalnya, masyarakat Rungus berpegang dengan kepercayaan animisme dan mula menerima agama Kristian setelah kedatangan penjajah British ke Sabah pada abad ke-19. Agama Islam hanya mula diterima oleh sebahagian kecil masyarakat Rungus pada tahun 1970-an setelah program pengislaman beramai-ramai dijalankan oleh United Sabah Islamic Association (USIA) di kawasan penempatan mereka. Justeru, makalah ini bertujuan menjelaskan sejarah pengislaman masyarakat Rungus sehingga mencorakkan perubahan sosial di Matunggong, Sabah. Makalah ini berpandukan penyelidikan sejarah yang bersandarkan pada kajian kualitatif dengan memfokuskan pada kaedah temu bual dan analisis kandungan. Dapatan kajian menjelaskan pengislaman dan perubahan sosial masyarakat Rungus melalui tiga fasa iaitu sejarah penerimaan Islam dalam kalangan beberapa individu Rungus, penubuhan institusi keagamaan dan sumbangan dalam meningkatkan kefahaman tentang perkembangan Islam dalam masyarakat Rungus dan hal ini perlu diketengahkan bagi memahami peranan agama yang memberi kesan terhadap perubahan sosial masyarakat minoriti di pedalaman Sabah.

Kata kunci: pengislaman, perubahan sosial, kepercayaan tradisional, masyarakat Rungus, daerah Matunggong

PENDAHULUAN

Negeri Sabah ialah salah sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai sejarah penganutan agama yang tersendiri sehingga menarik pelbagai sarjana untuk mengulas lanjut mengenainya. Sejarah mencatatkan, kepercayaan awal yang dianuti oleh penduduk tempatan Sabah ialah kepercayaan tradisional yang lazimnya dikenali sebagai kepercayaan pagan atau animisme (Suraya 2003). Setelah itu, selain daripada campur tangan British dalam urusan pentadbiran di Sabah, mereka juga turut giat menjalankan dakwah Kristianisasi kepada penduduk tempatan sehinggakan sebahagian besar penduduk Sabah menganuti agama Kristian sekitar tahun 1960-an. Pengaruh agama Islam di Sabah pula adalah sedikit lambat walaupun catatan sejarawan mengatakan kedatangan agama Islam lebih awal berbanding dengan kedatangan agama Kristian. Pengaruh awal agama Islam yang pernah direkodkan adalah pada tahun 1300 (Mat Zin 2003). Selain itu, antara sumber terawal yang dikenal pasti adalah berdasarkan hasil penemuan Caesar (1973) yang menjelaskan kedatangan pedagang Arab yang bermigrasi ke sebuah tempat bernama Mai (Mindoro) yang terletak di Kepulauan Sulu. Setelah itu, kegiatan pengislaman awal yang paling ketara adalah sewaktu Kesultanan Sulu yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti pengislaman dengan warga tempatan di Sabah sekitar abad ke-17 (Mohd Nur Hidayat

et al. 2021). Kerancangan pengaruh agama Islam di Sabah semakin ketara apabila United Sabah Islamic Association (USIA) menjalankan pengislaman beramai-ramai sekitar tahun 1970-an sehingga memperlihatkan komposisi Muslim di Sabah meningkat secara mendadak (Suraya 2005).

Kesan daripada kedatangan agama Islam telah mempengaruhi landskap sosial masyarakat di Sabah. Inti pati yang diajarkan dalam agama Islam telah membentuk keperibadian seseorang individu, bahkan sesebuah masyarakat sehingga membezakan identiti masyarakat Muslim daripada bukan Muslim dengan sangat ketara. Hal ini disebabkan agama Islam telah mempengaruhi cara hidup yang tidak hanya menekankan aspek anutan dan amalan agama, akan tetapi secara tidak langsung telah memberi kesan kepada perubahan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Menyoroti beberapa kajian sebelum ini, pengaruh agama Islam telah merangsang kepada perubahan sosial masyarakat setempat. Antaranya, Hasaruddin, Mania and Anis (2018) membincangkan kehadiran Islam di Sinjai Indonesia pada abad ke-17 yang telah memberi kesan kepada perubahan sosiopolitik dan budaya. Sementara itu, Smith-Hefner (2019) turut menjelaskan mengenai Islam, belia dan perubahan sosial yang membawa kepada perubahan agama dan sosiobudaya di Jawa. Begitu juga dengan kajian Assimeng (2010) yang menjelaskan aspek perubahan sosioagama yang melibatkan penstrukturan semula identiti, situasi agama kontemporari (termasuk sifat, jenis dan fungsi mazhab agama), perubahan sosial yang merangkumi amalan keberagamaan secara individu dan masyarakat di Afrika Barat kesan kedatangan agama Islam dan Kristian. Namun begitu, kajian-kajian tersebut hanya menjelaskan kehadiran agama Islam yang telah mempengaruhi masyarakat tempatan sehingga memberi kesan kepada perubahan sosial yang berlaku. Malahan, perbincangan kajian hanya tertumpu pada lokaliti masyarakat di negara luar.

Dengan demikian, mengamati perbincangan pengaruh agama Islam yang membawa kepada perubahan sosial di Sabah perlu diperjelaskan secara rencam dan teliti. Maka, kajian ini dijalankan dengan tujuan menjelaskan sejarah pengislaman masyarakat Rungus di Matunggong sehingga mencorakkan perubahan sosial yang disebabkan pengaruh agama Islam. Kajian sebegini begitu penting untuk meneroka sekaligus menjelaskan tentang pengislaman dan perubahan sosial dalam kalangan masyarakat Rungus di Sabah dengan mengambil kira kawasan penempatan yang didominasi etnik Rungus iaitu di daerah kecil Matunggong. Perkara ini perlu untuk memahami peranan agama yang memberi sumbangan kepada perubahan sosial masyarakat Rungus. Kebanyakan kajian lepas tidak menekankan aspek agama Islam yang memberi kesan langsung terhadap perubahan sosial yang berlaku khususnya masyarakat Rungus di Matunggong. Kajian-kajian sebelum ini hanya berkisarkan penyebaran dan pengaruh agama Kristian dan pengamalan kepercayaan tradisional sahaja. Selain itu, dari aspek penganutan masyarakat di daerah Matunggong pula,

sehingga kini masyarakat Rungus di Matunggong masih mencatatkan penduduk yang majoriti Kristian. Kelompangan ini seterusnya menjadi satu permasalahan yang dilihat dari sudut penulis sebelum ini yang tidak menumpukan secara terperinci perbincangan sedemikian.

Dengan itu, kajian ini meneliti aspek perbincangan yang bersandarkan penyelidikan sejarah dengan menggunakan kaedah kualitatif yang berfokuskan pada kaedah temu bual bersama informan penting (*key-informant*) dan analisis kandungan. Informan penting adalah terdiri daripada masyarakat Rungus yang pernah mengalami proses perubahan sosial iaitu sebelum Islam datang ke daerah Matunggong. Kajian ini menjangkakan perubahan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Rungus di Matunggong adalah disebabkan oleh pengaruh agama atas faktor kedatangan agama Islam di Sabah yang seterusnya memperlihatkan perubahan landskap sosial yang berbeza dari sebelumnya.

AGAMA DAN PERUBAHAN SOSIAL

Konsep perubahan sosial biasanya didefinisikan sebagai proses transformasi pelbagai bidang kehidupan manusia. Secara khusus, sarjanawan seperti Kavanagh, Lightfoot dan Lilley (2021), Wedel (2020), Greenwood dan Guner (2008) dan Healy (1998) menegaskan bahawa konsep perubahan sosial ini merupakan suatu manifestasi usaha penyesuaian kepada penambahbaikan dalam persekitaran teknologi dalam sesebuah masyarakat. Salah satu kaedah pengukuran perubahan sosial yang dikemukakan oleh para sarjana terdahulu adalah dengan merekodkan bilangan inovasi sosial dari semasa ke semasa. Bagi menjelaskan hal ini, Huebner (2005) menegaskan bahawa penilaian terhadap perkembangan teknologi dan penyesuaian yang dilakukan oleh masyarakat amat dititikberatkan. Namun, perspektif seumpamanya dilihat sebagai kurang praktikal dan amat tertakluk pada kesukaran menilai sejauh manakah atau sebanyak manakah inovasi sosial yang telah diwujudkan oleh masyarakat berkaitan. Sedangkan menurut Drucker (1987), usaha untuk mengenal pasti bilangan dan bentuk inovasi sosial merupakan suatu kerja yang amat sukar. Sekalipun terdapat pengkaji seperti Ogburn dan Gilfillan (1933) yang telah berusaha mengenal pasti sekurang-kurangnya 50 jenis inovasi sosial tetapi senarai tersebut hanyalah menyerlahkan sifat mustahil atau kesukaran mengukur kadar perubahan dalam ciptaan atau inovasi sosial dari semasa ke semasa dalam sebuah masyarakat moden. Oleh itu, selaras dengan kelemahan ini maka timbullah beberapa teori atau pendekatan kajian yang cuba membincangkan tentang perubahan sosial itu sendiri merangkumi teori evolusi dan teori fungsionalis.

Selain daripada teori yang dinyatakan, perspektif Islam dan Barat juga tidak ketinggalan membahaskan perkara ini. Dalam hal ini, mereka biasanya menegaskan bahawa perubahan sosial merupakan satu fenomena universal dalam pengalaman hidup manusia yang berlaku dalam sesuatu kawasan dan kelompok yang tidak boleh dinafikan. Dalam Islam, perubahan sosial ialah satu keadaan yang lebih baik atau mengembalikan fitrah masyarakat kepada 'idealisme' Islam yang akan mengembangkan potensi manusia melalui ilmu dan amal (Mohamad Kamil 1998). Jawdat Sa'id (1993) menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku merujuk kepada pengembalian fitrah manusia seperti yang sepatutnya dengan mempunyai matlamat, kaedah dan potensi untuk melakukan perubahan. Justeru, Ibn Khaldun sebagai pengasas teori perubahan sosial Islam memperincikan bahawa perubahan sosial adalah berkait rapat dengan jatuh bangun sesebuah masyarakat yang berlandaskan kemajuan ilmu pengetahuan yang dipraktikkan (Mohammad Kamil dan Rahimin Afandi 2009). Dalam hal ini, perubahan sosial yang dijelaskan menurut perspektif Islam adalah berlandaskan ilmu pengetahuan kepada pembentukan nilai, tingkah laku dan intelektual. Selain itu, kebanyakan para sarjana Islam juga menegaskan bahawa faktor penting kepada perubahan sosial adalah didasarkan kepada agama sebagai satu sistem yang memandu manusia ke arah yang lebih baik.

Sementara itu, perubahan sosial menurut perspektif Barat merangkumi setiap sendi kehidupan, peraturan dan hubungannya dengan manusia. Moore (1976) menyatakan bahawa perubahan sosial adalah apabila melibatkan perubahan struktur masyarakat termasuk perkara-perkara yang bersangkutan seperti nilai dan kebudayaan manusia. Swanson (1971) pula menjelaskan bahawa perubahan sering kali berlaku dalam pembangunan, kemajuan, evolusi, fungsi ataupun proses. Sementara Nisbet (1973) menyatakan, "penggantian sesuatu yang berlainan pada satu masa untuk mengubah identiti". Penjelasan perubahan sosial oleh sarjana Barat adalah berlandaskan kajian empirikal yang kemudiannya dirumuskan menjadi sebuah teori semata-mata berdasarkan akal. Berbeza dengan sarjana Islam, hasil rumusan akal adalah berlandaskan sumber wahyu seperti al-Quran, hadis, pandangan ulama dan seumpamanya. Walaupun begitu, kedua-dua pandangan Islam dan Barat masih menekankan bahawa perubahan sosial adalah suatu keadaan yang memperlihatkan satu bentuk perubahan daripada yang asal.

Perubahan sosial juga bersangkut paut dengan kehadiran agama dalam sesuatu kelompok. Agama tidak hanya mampu membentuk keperibadian seseorang, akan tetapi memberi kesan langsung kepada hubungan sosial. Hal ini adalah berdasarkan beberapa pandangan ahli sosiologi seperti Ibnu Khaldun, Max Weber, Emile Durkheim, Peter L. Berger dan lainnya bahawa kehadiran agama berupaya mencorak perubahan sesebuah masyarakat (Boty 2016). Mereka juga menyatakan bahawa agama ialah suatu pandangan hidup yang harus diterapkan dalam kehidupan secara individu mahupun kelompok. Kedua-duanya

mempunyai hubungan saling mempengaruhi dan saling bergantung dengan semua faktor yang turut membentuk struktur sosial dalam kalangan masyarakat. Bellah (1964) dan Luhmann (1977) menyatakan bahawa perkembangan sesebuah agama merupakan satu proses yang memperlihatkan pembentukan hubungan antara agama dengan masyarakat setempat. Kewujudan agama berfungsi untuk memupuk kesatuan dan kesepaduan, menciptakan perdamaian, meningkatkan kualiti kehidupan manusia menjadi lebih baik, memberi semangat motivasi dalam diri manusia untuk bekerja yang kesemuanya adalah bermotifkan pemeliharaan kestabilan sosial. Selain itu, agama sangat berperanan dalam kehidupan manusia kerana nilai keagamaan yang dipraktikkan akan menonjolkan sikap yang terbaik sesama individu mahupun antara masyarakat (Boty 2016).

Adapun peranan agama dalam masyarakat dapat dilihat dalam dua hal iaitu agama sebagai integrasi ataupun segregasi (Nottingham 1954). Peranan agama sebagai integrasi bagi masyarakat bermaksud peranan agama dalam menyatupadukan masyarakat, sama ada sesama masyarakat mahupun dalam keperluan sosial yang menyebabkan mereka bersatu untuk mencapai matlamat yang sama. Hal ini adalah kerana nilai keagamaan yang mendasari sistem keperluan sosial dan disokong bersama oleh kelompok-kelompok keagamaan menjadikan agama titik permuafakatan (Pargament dan Mahoney 2005; Schafer 2018). Walaupun agama berperanan penting dalam menyatupadukan dan mengukuhkan hubungan dalam masyarakat, namun, agama juga berperanan sebagai faktor segregasi yang berupaya memecahbelahkan serta menggugat kewujudan sesebuah masyarakat (Guenther 2014). Hal ini adalah kerana sebahagian kelompok terlalu taksud dengan kepercayaan masing-masing sehingga mengakibatkan pertentangan antara satu kelompok dengan kelompok yang lain.

Mengamati fenomena perubahan sosial dapat menjelaskan bahawa agama berperanan menjadi faktor kepada perubahan dalam landskap suatu masyarakat. Agama berperanan penting sebagai agen penyatuan hubungan yang mampu mengubah dan membentuk sistem masyarakat setempat (Puetz 2015). Fungsi agama yang dilaksanakan oleh manusia mampu memberikan suatu perubahan kepada masyarakat. Peranan agama yang berfungsi sebagai pedoman dijadikan sumber peraturan dalam menentukan norma-norma kehidupan. Malahan agama juga berfungsi menjadikan seseorang yang taat menggunakan doktrin agama untuk mendepani segala macam bentuk cabaran, khususnya dalam menghadapi perkara negatif kesan daripada perubahan sosial yang berlaku. Dengan demikian, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, penjelasan tentang hal ini wajar dilakukan dengan mengemukakan pemilihan masyarakat yang mengalami perubahan sosial akibat faktor agama. Bagi tujuan tersebut, kajian ini memilih masyarakat Rungus di daerah kecil Matunggong, Sabah. Perbincangan seterusnya mengetengahkan perubahan sosial dan kaitannya dengan faktor agama khususnya agama Islam dalam masyarakat Rungus di daerah kecil Matunggong, Sabah.

KEPERCAYAAN AWAL MASYARAKAT RUNGUS

Sebelum kedatangan Islam dalam kalangan masyarakat Rungus, terdapat dua kepercayaan dan agama yang dominan dalam kalangan mereka. Bahkan, sehingga ke hari ini pun dua agama dan kepercayaan ini masih wujud dan menjadi pegangan sebahagian besar masyarakat Rungus di Sabah.

Amalan dan Kepercayaan Tradisional Masyarakat Rungus

Umumnya, masyarakat Rungus masih berpegang kuat dengan kepercayaan tradisional kerana mereka masih terkait dengan pelbagai adat dan pantang larang. Ungkapan kepada agama kuno Rungus merujuk kepada *labus* (disebut *llabus*) yang bermaksud luar. Hal ini bertentangan dengan ungkapan *suwang* yang bermaksud dalam. Maksud kedua ungkapan tersebut adalah untuk membezakan antara masyarakat Rungus yang telah memeluk agama Kristian, diungkap sebagai *suwang sambayang* iaitu 'dalam Kristian', manakala mereka yang tidak menganut sebarang agama sebagai *labus* iaitu 'luar Kristian' (Raymond 2013).

Dari sudut kepercayaan pula, terdapat perbezaan pandangan sarjana terhadap kepercayaan dan anutan awal masyarakat Rungus sebelum memeluk sebarang agama. Menurut Appell (1986), kepercayaan tradisional yang diamalkan memastikan mereka dapat berintegrasi dengan alam sekitar dan antara sesama individu. Tambahan pula, nilai yang ada pada kepercayaan tradisional ini membuatkan mereka memelihara tingkah laku dan moral yang baik. Selain itu, kepercayaan ini juga melibatkan rasa estetik yang boleh membawa kepada ketenangan kepada penganutannya (Appell 1986). Namun masyarakat Rungus sebenarnya mempunyai agama. Mereka berpendapat bahawa agama awal yang dianuti masyarakat Rungus ialah agama warisan dan turun temurun sebelum kedatangan agama Kristian dan Islam iaitu *Bbiruhui*. Istilah *Bbiruhui* dalam bahasa Rungus merujuk kepada pelbagai upacara yang dikendalikan untuk berbaik-baik dengan semangat jahat sambil memohon bantuan daripada *Kinoringan* (Low dan Raymond 2014).

Adat om Koundango do Momogun Rungus (2005) yang dikeluarkan oleh Mongumpung Tinungkusan Momogun Rungus Sabah (Pengumpul Warisan Momogun Rungus Sabah) dengan diketuai oleh Pdt. Parasin Bongkol menjelaskan amalan agama *Bbiruhui* dalam bab *Bbiruhui om Pomosizan Vokon* (Raymond 2013). Perbincangan mengenai pengamal *Bbiruhui* merujuk kepada anutan masyarakat Rungus awal. Diringkaskan, penganut *Bbiruhui* mempercayai adanya Tuhan yang mencipta alam semesta termasuklah kuasa untuk menghidupkan dan mematikan yang disebut sebagai *Kinoringan* (Tuhan) atau *Minamangun* (Yang Mencipta). *Kinoringan* yang menetap di langit menguasai seluruh alam termasuklah manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Permohonan manusia untuk mendapatkan bantuan *Kinoringan* menerusi wakil-wakil *Kinoringan*

seperti *sambavon* dan *llumaag* dilakukan melalui perantaraan *bbobbollizan* yang berhubung dengan pihak berkuasa (*Osundu*) di atas (langit); *sambavon* dan *llumaag* menggunakan *rinait* (ungkapan para *bbobbollizan* semasa melakukan ritual) (Raymond 2013).

Perihal ini memaparkan bahawa masyarakat Rungus tertakluk dengan pelbagai kepercayaan pengikut dan pengamalnya sehingga sukar untuk ditinggalkan atau dipisahkan. Kepercayaan tradisi dalam masyarakat Rungus merupakan salah satu bentuk kawalan sosial yang begitu kukuh, malahan menjadi asas terpenting dalam pembentukan sistem adat dan pantang larang (Porodong 2001). Terdapat beberapa pecahan berdasarkan kepercayaan tradisi yang menjadi amalan masyarakat Rungus (Porodong 1997).

Alam ghaib

Menurut Appell (1986), sistem kepercayaan Rungus membahagikan kuasa alam ghaib kepada tiga elemen iaitu: (1) *Minamangun* (pencipta atau 'the supreme God'). *Minamangun* berperanan sebagai pencipta alam semesta dan termasuklah manusia. Segala permintaan ditujukan kepada *Minamangun*; (2) *Rogon* iaitu roh jahat yang bertanggungjawab menyebabkan sesuatu perkara tidak diinginkan berlaku seperti sakit, bencana, kematian dan sebagainya. Apabila terdapat masyarakat yang diganggu oleh *rogon* seperti jatuh sakit, persembahan korban dilakukan dengan menyembelih sejumlah ayam dan/atau khinzir (jumlah ditentukan oleh *bbobbollizan*), kemudiannya dipersembahkan di tempat tinggal *rogon* seperti pokok besar, batu besar dan sebagainya kerana 'roh' orang sakit dipercayai dibawa ke sana. Persembahan tersebut merupakan simbolik yang membawa maksud 'mengambil alih' individu yang menyebabkan kemarahan *rogon* tersebut; (3) *Hatod* iaitu dua jenis: roh manusia (roh yang membawa manusia ke alam mimpi) dan roh yang baik (roh baik yang menjaga hasil tanaman padi) (Porodong 2001).

Bbobbollizan

Bbobbollizan ialah perantara yang dipilih dalam kalangan wanita untuk berurusan dengan pertemuan *rogon* atau alam ghaib. Ciri yang terdapat pada seseorang wanita tersebut sebelum dipilih sebagai *bbobbollizan* mestilah mempunyai ingatan yang kuat, bijak berkata-kata, mempunyai kepimpinan yang tinggi serta mempunyai peluang untuk memerhati, belajar dan membantu dalam ritual. Hal ini adalah kerana melalui ritual, *bbobbollizan* memerlukan pengetahuan dan penghafalan semua jenis mantera (*rinait*) untuk memudahkannya berada dalam keadaan terkhyal. Mantera-mantera tersebut adalah bertujuan untuk menjalankan puluhan ritual seperti menyembuhkan orang sakit, membuat persembahan korban, memulakan musim menanam padi dan banyak lagi.

Kematian dan jiwa

Menurut perspektif tradisional Rungus, kematian juga dianggap sebagai satu proses peralihan ke alam yang baharu. Jenazah akan dipakaikan pakaian tradisional sebagai penghormatan daripada keluarga jenazah, juga untuk berada di alam baharunya. Seterusnya mayat akan dimasukkan dalam tempayan yang besar kemudian ditutup dengan kayu atau gong, cara pengebumian adalah berdasarkan status dan kemampuan keluarga si mati. Jenazah akan ditanam ke dalam liang lahad, kemudiannya kepala jenazah akan dihadapkan ke timur. Hal ini adalah bagi memudahkan *hatod dot inan* (jiwa tubuh) bangun mengikut pergerakan matahari. Manakala setiap manusia pula dipercayai mempunyai sembilan jiwa yang terdiri daripada tiga jenis iaitu: (1) satu jiwa di kepala yang dipanggil *lugu* iaitu jiwa yang diberikan oleh *Minamangun* (pencipta); (2) satu jiwa tubuh dipanggil *hatod dot inan* (jiwa tubuh) iaitu penguasa seluruh tubuh yang dianggap seperti roh; dan (3) tujuh jiwa yang dipanggil *hatod dot piuhalan* (jiwa sendi) yang terletak di sendi-sendi utama yang merupakan punca utama kekuatan sendi-sendi tersebut seperti tangan, kaki dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, amalan kepercayaan tradisional masyarakat Rungus semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat Rungus dari semasa ke semasa. Hal ini adalah kerana kebanyakan masyarakat Rungus telah memeluk agama Islam dan Kristian, malahan sesetengah daripada kepercayaan tersebut bercanggah dengan ajaran kedua-dua agama tersebut. Tambahan pula, kedua-dua agama tersebut bergiat aktif dalam menyumbang bakti kepada penganut mereka seperti bantuan kebajikan daripada gereja dan masjid, hal ini termasuklah soal-soal rohani. Perkara ini seterusnya menyebabkan masyarakat tempatan kurang mempelajari mahupun mengamalkan kepercayaan tradisional yang akhirnya bilangan *bbobbollizan* semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Hal ini telah dijelaskan oleh Low dan Raymond (2014), disebabkan oleh panjangnya tempoh untuk mempelajari ilmu *bbobbollizan* iaitu 5 tahun sehingga 10 tahun kerana kemahiran untuk mengendalikan upacara dan menghafal *rinait* (puisi ritual) ialah suatu perkara yang sangat rumit. Malahan faktor perubahan sosial dari segi taraf pendidikan, ekonomi, penganutan malah gaya moden yang membawa kepada perubahan besar dan ketara dalam kalangan masyarakat Rungus hari ini (Low dan Raymond 2014).

PENYEBARAN DAN PENERIMAAN AGAMA KRISTIAN MASYARAKAT RUNGUS

Perubahan yang dialami oleh masyarakat Rungus hari ini sebahagian besarnya akibat pertembungan dengan agen-agen perubahan yang secara tidak langsung turut membawa kepada unsur-unsur modenisasi. Agen-agen perubahan tersebut adalah seperti campur tangan pihak pemerintah dengan

British North Borneo Company (BNBC) (Tregoning 1965), mubaligh Kristian (Masandu 1977), dan kedatangan orang Cina dari China (Hill dan Shin 1990). Manakala kemasukan ajaran agama Kristian ke Sabah juga memperlihatkan perubahan yang ketara berkaitan dengan anutan masyarakat peribumi Sabah, termasuklah dalam kalangan masyarakat Rungus sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung. Berdasarkan bancian awal negeri Sabah sekitar 1970 sehingga 2010, anutan masyarakat Rungus majoritinya beragama Kristian. Dianggarkan kira-kira 60% daripada masyarakat Rungus beragama Kristian, 10% menganut agama Islam dan baki 30% daripada masyarakat Rungus masih mengamalkan kepercayaan tradisional atau tidak memeluk apa-apa agama (Jabatan Perangkaan Sabah, Malaysia 2015). Hal ini adalah berpunca daripada kesan gerakan kristianisasi yang menyumbang kepada penganutan masyarakat Rungus kepada agama Kristian walhal mereka sangat berpegang teguh kepada ajaran dan kepercayaan turun-temurun (Raymond 2013).

Gerakan awal penyebaran ajaran Kristian adalah bermula di Kudat, kawasan yang majoriti didiami oleh masyarakat Rungus, antara daerah yang paling awal menerima misi dakwah Kristian (Mat Zin 2003). Selain Kudat, antara tapak dan pentadbiran terawal Kristian yang lain ialah di Sandakan, Tawau dan juga Papar (Richard 1999). Tapak awal tersebut dijadikan pusat pentadbiran kerana terletak di kawasan persisiran pantai. Oleh sebab itulah kawasan tersebut menjadi tumpuan pentadbiran gereja aliran Anglikan dan Basel yang kebanyakannya mendominasi kawasan bandar. Selanjutnya, gereja aliran lain seperti Roman Catholic, Protestant Church in Sabah (PCS), Sidang Injil Borneo (SIB) dan Seventh-Day Adventis tertumpu di kawasan pedalaman Sabah (Bainol 2018). Pembahagian aliran mengikut kawasan adalah berdasarkan strategi yang telah disusun atur dalam menyebarkan ajaran Kristian di kawasan bandar mahupun ke kawasan pedalaman di bahagian utara Sabah.

Setelah itu, kerajaan BNBC pula memberi sokongan terhadap kemasukan kaum Cina ke Sabah melalui penglibatan Basel Mission Society yang mempunyai hubungan kuat dengan suku Hakka di wilayah Canton (Tregoning 1965). Pada tahun 1913, lebih kurang 600 orang Cina yang beragama Kristian dibawa masuk dan penetapan awal mereka ialah di Kudat, Inanam, Menggatal dan Telipok (Forschner 1994). Tujuan pihak BNBC adalah untuk mewujudkan satu masyarakat petani yang boleh membangunkan Sabah di kawasan yang kurang berpenduduk. Kedatangan masyarakat Cina di daerah tersebut menyebabkan mereka menguasai sebahagian besar kegiatan ekonomi di kawasan Kudat melalui pembukaan kedai runcit, perladangan, kilang dan syarikat import-eksport (Appell 1985).

Selain itu, gerakan penyebaran agama Kristian di Sabah lebih awal dikesan berdasarkan fakta sejarah Borneo yang menyatakan bahawa Father Odoric, seorang paderi Franciscan dan mubaligh Kristian yang pertama sampai di Borneo


pada tahun 1332 (Parsons 1967), kemudian diikuti beberapa mubaligh Kristian lain seperti Tistao de Araujo, Jao da Veiga, Antonio Pareira, Father Ventimigla dan lain-lain (Suraya 2003). Misi kedatangan mereka ke Borneo sebenarnya telah diatur oleh beberapa pertubuhan antarabangsa Kristian. Contohnya, kedatangan Antonio Ventimigla adalah atas arahan Theatine Mission dalam rangka untuk menyebarkan agama Kristian ke seluruh dunia (Rooney 1981). Usaha seterusnya dapat dilihat dengan kedatangan Father Don Carlos Cuarteron ke Borneo, dan selepas kedatangannya, Gereja Sacred Heart yang pertama telah ditubuhkan di Sabah pada tahun 1857M (Rooney 1981). Pengaruh Kristian yang sangat kuat ke atas orang-orang Rungus bermula pada tahun 1951 sehingga berjaya mengubah kehidupan dan amalan tradisi ini harus dikaitkan dengan kedatangan orang-orang Kristian Hakka (Jeubirin 2000; Masandu 1977). Hubungan antara pihak Basel Mission dan orang-orang Kristian Hakka di Kudat telah terjalin sejak abad ke-18. Pada tahun 1951, Rev. H. Bienz yang bertugas dalam kalangan orang-orang Cina di Kudat menyedari bahawa terdapat juga orang-orang Rungus yang tinggal di luar bandar, lalu memaklumkan kepada Eva Legical Missionary Society di Basel, Switzerland. Menjelang 24 Disember 1953, pembaptisan pertama telah dijalankan dalam kalangan masyarakat Rungus di Kampung Masangkung Kudat (Porodong 1997).

Setelah itu, kekalahan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) pada bulan Mei 1985 turut memberikan satu perubahan drastik kepada masyarakat Sabah, khususnya masyarakat Muslim ketika itu. Faktor utama kekalahan para pemimpin Islam dalam parti United Sabah National Organisation (USNO) dan BERJAYA ialah mereka gagal menyatupadukan seluruh penganut Islam untuk membina kekuatan politik, ekonomi, sosial dan pendidikan di Sabah (Yahaya 1986). Mat Zin (2003) dan Ismail (2004) menjelaskan bahawa perkembangan politik di Sabah mempunyai hubungan yang erat dengan penyebaran agama Kristian. Mereka berpandangan bahawa dengan kekalahan parti USNO dan BERJAYA pada tahun 1985, penyebaran agama Kristian semakin pesat digerakkan. Perihal ini menjelaskan bahawa, permasalahan konflik politik Sabah berpunca daripada isu keagamaan (Ismail 2004; Mat Zin 2003). Hal ini secara tidak langsung memberi kesan kepada masyarakat Rungus khusus di bahagian utara Sabah. Ramai penduduk peribumi telah berjaya dibaptis oleh pendeta atau paderi, dan tidak kurang juga penduduk yang pernah beragama Islam atau golongan saudara baharu telah kembali semula menganut Kristian (Bainol 2018). Peralihan kuasa, memudahkan lagi gerakan mereka menyebarkan agama Kristian ke serata Sabah termasuklah bahagian utara Sabah.

Dengan itu, kronologi penganutan agama masyarakat Rungus bermula daripada penganutan kepercayaan nenek moyang ataupun pagan. Kemudian, kedatangan BNBC telah mengubah corak masyarakat yang tidak hanya bermotifkan pembangunan dan perekonomian masyarakat tempatan, tetapi turut membawa masuk ajaran Kristian sehingga menyebabkan sebahagian besar masyarakat Rungus menganuti agama Kristian.

PENGANUTAN AGAMA MASYARAKAT RUNGUS DI MATUNGONG

Daerah Matunggong merupakan sebuah daerah kecil yang bersempadan dengan daerah Kudat dan Kota Marudu yang diurus tadbir secara rasmi pada tahun 1995 (lihat Rajah 1). Pada awalnya daerah Matunggong di bawah pentadbiran pegawai daerah Kudat. Kemudian pejabat daerah Matunggong ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1995 iaitu Pejabat Kecil Daerah Matunggong.



Rajah 1: Daerah Kecil Matunggong, Sabah.

Sumber: Pejabat Daerah Kecil Matunggong (n.d.)

Berdasarkan bancian Sabah tahun 2010, penduduk daerah ini terdiri daripada pelbagai suku kaum dan didominasi oleh masyarakat Rungus sekitar 50%, Bajau 15%, Iranun 15% dan lain-lain 20% (Jabatan Perangkaan Sabah, Malaysia 2015). Anggaran tersebut boleh dirujuk dengan jelas dalam Jadual 1 mengikut suku kaum dan agama masyarakat di Matunggong.

Jadual 1 menunjukkan daerah Matunggong didominasi oleh masyarakat Rungus. Manakala bagi anutan agama pula, agama Kristian merupakan agama yang majoriti dianuti oleh masyarakat di Matunggong, dituruti dengan agama Islam dan anutan lain. Anutan lain-lain di sini bermaksud sama ada tidak menganut agama atau kepercayaan turun-temurun iaitu *Bbiruhui* (Raymond 2013). Akan tetapi segelintir penulis mengungkapkannya sebagai agama pagan atau animisme (Mat Zin 2003). Walau bagaimanapun, populasi Muslim sudah semakin meningkat sekitar tahun 2019 ke 2020 berdasarkan laporan pemelukan agama Islam di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Matunggong. Sebagaimana hasil temu bual bersama Ustaz Shamsuddin, Pembantu Bahagian Dakwah JHEAINS Matunggong, beliau mengatakan anggaran terkini (2019–

2020) bagi masyarakat Muslim di daerah ini sudah mencecah sekitar 8,000 ke 9,000 orang berbanding dengan 40,000 ke 45,000 orang beragama Kristian daripada jumlah keseluruhan penduduk yang seramai 54,000 orang. Hakikatnya, kedudukan Muslim di Matunggong masih dikategorikan sebagai golongan minoriti.¹

Jadual 1: Anggaran pecahan penduduk mengikut suku kaum dan agama, 2010

Bangsa/Etnik	Agama			
	Islam	Kristian	Buddha	Lain-lain
Melayu	20	–	–	–
Iranun	550	–	–	–
Kadazan/Dusun/Rungus	840	18,210	–	2,300
Bajau	1,200	–	–	–
Cina	700	550	250	–
Lain-Lain	700	50	10	200
Jumlah	3,420	18,765	260	2,500

Sumber: Pejabat Daerah Kecil Matunggong (n.d.)

Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Rungus merupakan kesan daripada pentadbiran awal negeri Sabah seperti BNBC dan USNO melalui dua gerakan Kristianisasi dan Islamisasi. Appell (1985) berpendapat bahawa fenomena yang berlaku dalam kalangan masyarakat Rungus hari ini adalah disebabkan sikap kebergantungan mereka kepada orang lain seperti politik dan ekonomi yang menjadi punca kepada perubahan sosial dan agama. Walaupun kebanyakan daripada mereka sudah memeluk agama Islam dan Kristian, segelintirnya masih mengamalkan kepercayaan asal yang berorientasikan kepercayaan animisme, namun tidak seaktif dahulu kerana ia bertentangan dengan anutan baharu mereka (Appell 1985). Walaupun wujud agama yang bersifat baharu dalam kalangan masyarakat Rungus, pengamal amalan lama dan tradisional sebenarnya masih dapat dikesan di tengah-tengah penganut agama Kristian dan Islam, khususnya generasi tua seperti amalan *rinait* dan *sogit* (Raymond 2013) kerana amalan ini sudah menjadi kebiasaan mereka yang selesa dengan cara lama ataupun amalan tradisional. Namun, realitinya hari ini, pengaruhnya sudah semakin berkurangan disebabkan faktor perubahan identiti generasi muda yang mudah terdedah dengan pengaruh luar, berpendidikan dan pengaruh modenisasi.

PENGISLAMAN DAN PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT RUNGUS DI MATUNGONG

Kedatangan agama Islam di bahagian utara Sabah tidak dapat dijelaskan secara terperinci lantaran pelbagai perbincangan sarjana menemukan pelbagai teori berdasarkan hasil penemuan mereka mengenai kedatangan Islam di negeri ini. Begitu juga halnya dengan kedatangan Islam di Matunggong. Sehingga ke hari ini, belum ada satu catatan yang menyatakan dengan jelas sejarah awal kedatangan Islam di daerah ini. Namun demikian, dikatakan penerimaan awal agama Islam dalam kalangan masyarakat Rungus di Matunggong adalah melalui gerakan dakwah Islam oleh USIA sewaktu pentadbiran USNO sekitar tahun 1970-an (Raymond 2015). Gerakan ini membawa kepada satu peristiwa penting berkaitan pengislaman awal dalam kalangan masyarakat Rungus apabila diadakan majlis pengislaman beramai-ramai di daerah Kudat dan Kota Marudu yang memberi kesan langsung kepada perubahan anutan dan identiti masyarakat Rungus di Matunggong.

Sejarah Pengislaman Masyarakat Rungus

Jika ditelusuri secara ringkas, kronologi penyejarahan awal Islam di Sabah menyatakan bahawa pengaruh Islam sudah muncul lebih awal berbanding pengaruh Kristian iaitu pada abad 10 Masihi (Caesar 1973). Ekoran kedatangan tersebut, agama Islam sudah mula tersebar dan dikembangkan. Walau bagaimanapun, setelah penaklukan pihak penjajah Barat ke Sabah, landskap sosial masyarakat Islam turut berubah disebabkan mereka telah mencampuri urusan pentadbiran dan membentuk dasar-dasar yang memberi implikasi bertentangan dengan masyarakat Islam seperti sekularisasi, Kristianisasi dan modenisasi (Muhiddin 1990; Fatimi 1963; al-Attas 2018; Harrisson dan Harrisson 1971). Implikasi penaklukan mereka turut menjejaskan hubungan masyarakat yang dipengaruhi oleh sentimen keagamaan sehinggakan berlakunya persaingan antara gerakan dakwah Islamiah dengan gerakan misionari Kristian, khususnya persaingan untuk memegang tampuk pemerintahan negeri antara orang Kristian dan Islam (Zakiah 1991).

Pengaruh agama Islam dalam kalangan masyarakat Rungus sedikit lambat berdasarkan teori penaklukan BNBC di Kudat pada abad ke-19. Pihak BNBC membawa pengaruh agama Kristian lebih awal dan kemudian menyebarkan melalui gerakan misionari Kristian. Selanjutnya mengakibatkan ramai masyarakat Rungus memeluk agama Kristian. Namun demikian, pengaruh agama Islam dalam kalangan masyarakat Rungus terserlah setelah USIA menjalankan misi menyebarkan agama Islam melalui majlis pengislaman secara besar-besaran di Sabah sehingga ke bahagian Kudat dan Kota Marudu pada tahun 1970-an dan 1980-an. Peristiwa tersebut telah disaksikan oleh Tun Datu Mustapha bin Datu Harun dan Datuk Idrus Matakim pada waktu itu. Kegiatan tersebut bermotifkan

untuk mengangkat agama Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah, dan kesannya membawa kepada peningkatan populasi Islam. Walau bagaimanapun menurut Ustaz Shamsuddin, sebelum penyebaran agama Islam oleh USIA di Kudat, pada sekitar tahun 1960-an sudah terdapat sebilangan kecil penduduk di Matunggong yang beragama Islam, antaranya Imam Diman Kusin di Kampung Indarason. Pada tahun 1966, terdapat juga Imam Kasam di Kampung Tigaman. Tambah beliau, kelompok mereka ini bukanlah daripada kalangan masyarakat Rungus, kebarangkalian mereka adalah daripada kalangan Bajau atau Suluk kesan daripada penyebaran agama Islam sebelumnya yang menempati kawasan di bahagian persisiran pantai, termasuklah di kedua-dua kampung tersebut.²

Penyebaran agama Islam yang menumpukan penduduk daerah Matunggong berdasarkan rekod rasmi daripada JHEAINS Matunggong adalah pada tahun 1990. Majlis pengislaman yang pertama direkodkan dan diadakan ialah di Masjid al-Muwafaqoh Kampung Pomonsukan Matunggong. Namun begitu, kampung tersebut sebenarnya sudah terdapat sebilangan saudara baharu yang lebih awal memeluk agama Islam pada tahun 1970-an lagi. Menurut Ustaz Shamsuddin, mereka yang terawal menganut agama Islam ialah mereka yang menyertai pengislaman sewaktu pentadbiran USNO tahun 1970-an dan 1980-an yang berlangsung di Dewan Masyarakat Kudat. Beliau menambah, generasi terawal masyarakat Rungus yang memeluk agama Islam ialah sekitar tahun 1970-an. Saudara baharu terawal dalam kalangan masyarakat Rungus ialah seramai tiga orang sahaja, antaranya Encik Abdul Aziz bin Milaad sebagai pemandu kenderaan USIA dan antara kakitangan Datuk Idrus Matakim, Dato Jelani bin Hamdan mantan YB Adun N4 Matunggong tahun 2013, dan Ustaz Ismail Marasun bin Mongingkap selaku Penolong Kanan 1 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sikuati.³ Selanjutnya, pada tahun 1980-an, jumlah pemeluk agama Islam masyarakat Rungus semakin meningkat. Saudara baharu pada ketika ini terdiri daripada kalangan generasi kedua yang terlibat dalam majlis pengislaman seperti Ustaz Rahmat Parasun, Ustaz Shamsuddin bin Abdullah, Tuan Haji Mohd Azmi Ungin, Cikgu Jamaluddin Abdullah, Dr. Raymond Majumah, Encik Jenit @ Asri bin Inok dan ramai lagi.⁴

Saudara baharu generasi awal ini telah membawa satu corak perubahan kepada landskap sosial masyarakat Rungus. Perubahan tersebut tidak hanya melibatkan soal kepercayaan, malah, amalan yang dipraktikkan oleh mereka juga turut berubah mengikut acuan dan kehendak agama Islam seperti solat berjemaah di masjid atau surau. Situasi ini lebih jelas apabila gerakan dalam kalangan generasi awal ini meneruskan misi penyebaran agama Islam kepada masyarakat Rungus seperti di Matunggong. Walaupun tidak dilaksanakan pengislaman secara besar-besaran seperti sebelumnya, masih terdapat peningkatan saudara baharu dan pembinaan masjid dan surau di sekitar Kudat dan Matunggong yang memperlihatkan perkembangan agama Islam begitu positif. Antaranya, terdapat 21 buah kampung yang sudah didiami oleh majoriti Muslim seperti Kampung Korina, Tunggang,

Pomonsukan, Badarang dan sebagainya. Perbezaan yang dikenal pasti berkaitan dengan pembinaan masjid dan surau adalah berdasarkan perbezaan populasi penganut agama. Contohnya, masjid dibangunkan di kawasan majoriti Muslim seperti Masjid al-Muwafaqoh di Kampung Pemansukan. Manakala surau dibina di kawasan minoriti Muslim seperti Surau al-Hijrah di Kampung Hobut. Dengan itu, populasi Muslim dalam kalangan saudara baharu masyarakat Rungus semakin meningkat berdasarkan rekod oleh JHEAINS Matunggong. Walaupun populasi ini adalah minoriti, namun, perkembangan Islam tidak ketinggalan dan kebajikan penduduk Islam tidak terabai.

Penubuhan Institusi Agama Islam di Matunggong

Perkembangan Islam yang positif mendorong kepada penubuhan beberapa buah institusi yang bertujuan untuk menjaga kepentingan umat Islam serta membantu menggerakkan dakwah Islam di daerah ini. Setelah USIA ditubuhkan, beberapa aspek ditekankan bagi melaksanakan dan memudahkan urusan tadbir dan kemaslahatan umat Islam. USIA kemudiannya menubuhkan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) bagi menjaga dan mengurus kepentingan hal ehwal Islam dengan lancar. Setelah itu, JHEAINS pula dijabatankan secara rasmi pada tahun 1996 yang bertanggungjawab melaksanakan polisi-polisi yang digubal oleh MUIS seterusnya melicinkan pentadbiran agama Islam di seluruh Sabah.

Kemudiannya, JHEAINS ditubuhkan pula di peringkat bahagian yang bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran setiap daerah selaras dengan pentadbiran pusat. Begitu juga JHEAINS di Zon Matunggong yang ditubuhkan sekitar tahun 1995 seiring dengan penubuhan secara rasmi Pejabat Urusetia Kecil Matunggong pada 1 Mac 1995. Pada awal penubuhan JHEAINS di Matunggong, hanya terdapat enam orang kakitangan sahaja yang terdiri daripada seorang pegawai iaitu Ustaz Tuan Haji Buang Haji Salleh. Beliau merupakan pegawai agama pertama yang dilantik di JHEAINS Matunggong. Seterusnya tiga orang pembantu dakwah dan dua orang imam kariah.⁵ JHEAINS Matunggong juga bertanggungjawab menyampaikan ajaran Islam, memberikan didikan agama Islam kepada masyarakat, membina dan mentadbir masjid, surau dan sekolah-sekolah agama, menguruskan hal ehwal masyarakat Islam dan sebagainya khusus untuk masyarakat Islam di Matunggong. JHEAINS juga berperanan membantu masyarakat tempatan menganut agama Islam dengan bimbingan kepada golongan saudara baharu. Beberapa program keagamaan yang pernah dianjurkan di peringkat daerah Matunggong seperti ziarah mahabbah saudara baharu, Tilawah al-Qur'an, sambutan Maulidur Rasul dan bengkel urusan tadbir masjid dan surau di peringkat daerah Matunggong (JHEAINS 2019).

Sementelah itu, walaupun Matunggong diduduki oleh minoriti Muslim, masih terdapat beberapa buah masjid dan surau yang dibangunkan untuk kegunaan masyarakat Muslim melaksanakan ibadah dan kegiatan agama. Berdasarkan statistik masjid dan surau yang dilaporkan oleh JHEAINS untuk tahun 2018, terdapat 26 buah masjid dan surau yang telah didaftarkan bagi daerah Matunggong, antaranya Masjid al-Munawwarah, Masjid al-Muwafaqoh dan sebagainya. Pembinaan masjid dan surau di daerah Matunggong memudahkan masyarakat Muslim untuk melaksanakan aktiviti keagamaan seperti solat berjemaah, ceramah dan seumpamanya, dan termasuk juga aktiviti kemasyarakatan yang diadakan seperti majlis kenduri yang dapat mengumpulkan masyarakat Muslim yang lain untuk menyertainya. Situasi ini juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi ukhuwah dalam kalangan mereka. Hasil temu bual bersama Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pinawantai, Matunggong, Encik Jenit mendapati antara punca penarikan masyarakat bukan Muslim terhadap agama Islam ialah budaya kesatuan yang dipamerkan di masjid atau surau seperti gotong-royong, kenduri kendara dan sambutan hari perayaan. Tambahan pula, sebahagian mereka (bukan Muslim) turut dijemput untuk menyertainya. Situasi tersebut juga menjadi punca penarikan mereka untuk memeluk agama Islam. Antara masjid bersejarah yang menarik untuk ditonjolkan ialah Masjid al-Muwafaqoh di Kampung Pomonsukan Matunggong (Rajah 2). Masjid tersebut menjadi masjid yang pertama dibina dan antara jemaahnya terdiri daripada kalangan saudara baharu generasi awal masyarakat Rungus daerah ini. Masjid tersebut dibangunkan pada tahun 1990 dengan diberi nama Surau Kampung Pomonsukan sehingga ke tahun 1999, kemudian digantikan nama tersebut kepada Masjid Kampung Pomonsukan pada tahun 1999 sehingga tahun 2010, dan kemudiannya diberikan nama baharu iaitu Masjid al-Muwafaqoh Kampung Pomonsukan sehingga kini. Masjid ini terletak di kawasan kampung yang sudah didominasi oleh masyarakat Muslim sehingga ke hari ini, dan hanya terdapat sebilangan kecil daripadanya ialah masyarakat Kristian.⁶ Tuntasnya, perkembangan institusi Islam di Matunggong membuktikan keberadaan penganut Islam masih kekal aktif sehingga kini walaupun mereka daripada kalangan minoriti. Peranannya cukup besar dalam mempertahankan penganutan agama Islam di Matunggong dan menguruskan hal-hal berkaitan agama Islam.



Rajah 2: Masjid al-Muwafaqoh di Kampung Pomonsukan Matunggong terkini.

Komuniti Saudara Baharu di Matunggong

Saudara baharu menjadi salah satu faktor yang merancakkan lagi perkembangan agama Islam dan perubahan sosial di Matunggong. Mereka juga menjadi agen pendakwah dalam menyampaikan dan menyebarkan agama Islam kepada masyarakat. Keupayaan mereka dalam mempamerkan nilai-nilai Islam mampu menarik perhatian masyarakat lain untuk menerima dan memeluk agama Islam. Berdasarkan hasil temu bual bersama Pegawai Agama JHEAINS Kota Marudu, Ustaz Rahmat Parasun, dua perkara yang menjadi pendekatan mereka setelah memeluk Islam adalah untuk menjaga akhlak dengan keluarga dan masyarakat. Pada awal pengislaman mereka (saudara baharu) sekitar tahun 1980-an, mereka berhadapan pelbagai rintangan seperti ejekan dan tohmahan sama ada daripada masyarakat kampung, rakan sekolah mahupun pandangan ahli keluarga mereka sendiri. Tambahan pula sewaktu era Parti Bersatu Sabah (PBS), golongan saudara baharu generasi awal seperti Ustaz Rahmat, Encik Jenit dan lain-lain berdepan dengan pengaruh agama Kristian yang sangat kuat dan mempengaruhi kebanyakan masyarakat. Oleh sebab itu, kecaman daripada masyarakat dan keluarga dengan membandingkan anutan baharu mereka sebagai agama baharu dan tiada masa hadapan. Menurut beliau, pada ketika itu, perkara yang perlu dilakukan adalah untuk menjaga imej sebagai saudara baharu dengan membawa nilai Islam kepada masyarakat seperti mengekalkan budaya menghormati ibu bapa, guru sekolah dan berkelakuan baik secara konsisten. Kesannya, persepsi negatif kepada mereka (saudara baharu) semakin berkurangan, malahan terdapat sebilangan mereka yang sudah memeluk agama Islam hari ini.⁷

Selain itu, corak hidup saudara baharu tidak hanya dilihat dari sudut perubahan agama, malah secara tidak langsung telah mengubah mereka dari segi perwatakan dan kefahaman yang bersandarkan tuntutan Islam. Contohnya, pada awalnya

mereka tidak mementingkan soal halal dan haram (sebagaimana dalam agama Islam), namun, setelah memeluk agama Islam mereka sudah mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai Islam yang diamalkan oleh saudara baharu telah mendorong mereka untuk lebih bermotivasi dan meningkatkan kualiti diri menjadi lebih baik. Antara saudara baharu dalam kalangan generasi awal yang menarik untuk ditonjolkan ialah Dato Jelani Hamdan. Menurut Encik Jenit, Dato Jelani merupakan etnik Rungus pertama yang memeluk agama Islam yang berasal dari Kampung Pomonsukan Matunggong. Beliau juga antara yang dijadikan sebagai perintis kepada masyarakat Rungus terawal memeluk agama Islam di Sabah. Kejayaan yang dikecapi oleh beliau dan yang lainnya mampu membuktikan kepada masyarakat bukan Muslim bahawa agama baharu yang dianuti mereka mampu melakar kejayaan. Hal sedemikian merupakan antara faktor lain yang menyebabkan masyarakat kampung di Pomonsukan turut memeluk agama Islam beramai-ramai di Masjid al-Muwafaqoh Kampung Pomonsukan dan disaksikan sendiri oleh Dato Jelani ketika itu. Dengan itu, kredibiliti saudara baharu seperti Dato Jelani dan yang lainnya dijadikan sebagai perangsang dan contoh ikutan kepada masyarakat sekeliling untuk memeluk agama Islam.⁸

Perubahan sosial juga ketara apabila wujudnya nilai kesatuan daripada kumpulan minoriti ini. Sikap kerjasama sesama saudara baharu di Matunggong menjadikan mereka lebih kuat untuk mengekalkan identiti sebagai Muslim. Kebanyakan daripada mereka akan berkumpul di surau-surau untuk berganding bahu menjalankan aktiviti bersama apabila terdapatnya majlis-majlis keramaian seperti kenduri dan perayaan. Nilai kesatuan mereka terpapar dan menyerlahkan nilai Islam itu secara tidak langsung. Oleh yang demikian, populasi saudara baharu di Matunggong khususnya generasi awal yang memeluk agama Islam menjadi penyumbang kepada perkembangan agama Islam di sana. Meskipun mereka tidak menubuhkan organisasi khas untuk menjalankan gerakan dakwah, namun, dengan sikap tauladan dan kesungguhan yang ditonjolkan sudah cukup untuk memberi kesan kepada persepsi masyarakat bukan Muslim sehinggakan mereka menerima dan memeluk agama Islam. Perkara ini secara tidak langsung menjadi faktor utama terhadap perubahan yang dialami dalam kalangan masyarakat Rungus di Matunggong. Perubahan tidak hanya berdasarkan aspek kepercayaan, malah turut terpamer melalui sikap dan perwatakan mereka setelah memeluk agama Islam.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas menjelaskan perubahan sosial yang dialami oleh masyarakat Rungus di Matunggong dengan melibatkan perubahan kepercayaan tradisional kepada perubahan beragama Islam. Penganutan agama Islam dalam kalangan masyarakat Rungus dapat dilihat melalui tiga faktor penting

iaitu sejarah pengislaman masyarakat Rungus, penubuhan institusi agama Islam dan komuniti saudara baharu dan peranan mereka dalam menyebarkan dakwah dan mengembangkan lagi ajaran Islam di Matunggong. Kesannya, perubahan yang berlaku tidak hanya dapat diperhatikan melalui tatacara saudara baharu yang tertakluk dengan agama Islam, malah turut memberi kesan langsung kepada perubahan penganutan agama masyarakat yang kemudiannya merangsang kepada perubahan sosial dalam kalangan masyarakat Rungus di Matunggong. Faktor-faktor ini sebenarnya menjadikan keberadaan agama Islam di Matunggong terus segar dan berkembang. Bahkan, perubahan sosial ini juga sangat ketara dengan menyaksikan ajaran Islam yang dikembangkan telah membentuk keperibadian seseorang individu mahupun masyarakat itu sendiri yang berbeza daripada sebelumnya dengan memperlihatkan identiti baharu iaitu Muslim Rungus. Peranan agama Islam begitu penting sehingga memperlihatkan landskap sosial masyarakat berdasarkan perubahan yang dialami dalam kalangan masyarakat Rungus di Matunggong. Dengan itu, pemelukan agama Islam dan perubahan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Rungus di Matunggong memperlihatkan satu bentuk perubahan yang dipengaruhi agama itu sendiri.

Kajian ini tertumpu pada penerokaan dan penerangan hubung kait antara faktor agama dengan perubahan sosial dalam kalangan masyarakat Rungus di daerah kecil Matunggong, Sabah. Hasil kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pemahaman aspek yang dikaji dalam kalangan penyelidik mahupun para pembaca dalam bidang perubahan sosial masyarakat. Justeru, hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada responden atau masyarakat Rungus itu sendiri serta para pengkaji dan individu yang cenderung atau berminat memahami tentang pelbagai fenomena sosial pada masa kini. Secara khusus, diharapkan supaya responden atau masyarakat Rungus akan mempunyai kesedaran tentang hubung kait antara faktor agama dengan perubahan sosial. Berdasarkan pemahaman ini, maka mereka dapat melakukan tindakan susulan seperti merangka usaha pembangunan berasaskan faktor agama dalam masyarakat Rungus di daerah kecil Matunggong. Selain itu, bagi golongan pengkaji dan individu yang berminat dalam bidang yang dikaji, hasil kajian ini dapat dijadikan asas untuk menjalankan kajian mahupun usaha lanjut bagi memahami hubung kait antara aspek-aspek yang diketengahkan. Dalam erti kata lain, dapatan kajian akan dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan untuk penyelidik akan datang yang ingin menjalankan penyelidikan lanjut berkaitan bidang ini.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan dana penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundemental, kod KPT: FRGS/1/2019/SSI05/UMS/02/1, kod geran: FRG0527-1/2019. Penulis

juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah bagi cawangan daerah kecil Matunggong dan Kota Marudu kerana bersama-sama menjana dan menghasilkan idea yang bermanfaat ini.

NOTA

1. Ustaz Shamsuddin bin Abdullah. Pembantu Bahagian Dakwah JHEAINS Matunggong. Ditemu bual pada 13 Februari 2020 di Pejabat JHEAINS Matunggong.
2. Ibid.
3. Ibid.
4. Ibid.
5. Ibid.
6. Encik Jenit @ Asri bin Inok. Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pinawantai, Matunggong. Temu bual pada 14 Februari 2020 di Pusat Kegiatan Guru Kudat.
7. Ustaz Rahmat Parasun. Pegawai Agama JHEAINS Kota Marudu. Temu bual pada 14 Februari 2020 di pejabat JHEAINS Kota Marudu.
8. Encik Jenit. Temu bual pada 14 Februari 2020.

RUJUKAN

- Al-Attas, S.M.N. 2018. *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian archipelago*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Appell, G.N. 1985. Land tenure and development among the Rungus of Sabah, Malaysia. In *Modernization and the emergence of a landless peasantry: Essays on the integration of peripheries to socioeconomic centers*, ed. G.N. Appell, 110–155. Virginia: Department of Anthropology, College of William and Mary.
- _____. 1986. Social anthropological research among the Rungus Dusun: A talk for the Sabah Society. *Sabah Society Journal* 8: 194–209.
- Assimeng, M. 2010. *Religion and social change in West Africa: An introduction to the sociology of religion*. 2nd ed. Accra: Woeli Publishing Services.
- Bainol, L. 2018. Strategi Kristianisasi di daerah Kota Marudu, 1985–1994. *Jurnal Borneo Arkhailogia* 3(2): 185–199. <https://doi.org/10.51200/jba.v3i2.1628>
- Bellah, R.N. 1964. Religious evolution. *American Sociological Review* 29(3): 358–374. <https://doi.org/10.2307/2091480>
- Boty, M. 2016. Agama dan perubahan sosial (tinjauan perspektif sosiologi agama). *Istinbath* 15(1): 35–50.
- Caesar, A.M. 1973. *Muslim in the Philippines*. Quezon City: The University of the Philippines Press.

- Drucker, P.F. 1987. Social innovation–Management’s new dimension’. *Long Range Planning* 20(6): 29–34. [https://doi.org/10.1016/0024-6301\(87\)90129-4](https://doi.org/10.1016/0024-6301(87)90129-4)
- Fatimi, S.Q. 1963. *Islam comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- Forschner, T.A. 1994. *Hoturan di boros Momogun (Rungus): Outline of a Momogun grammar (Rungus dialect)*. Sabah, Malaysia: Sikuk Publication.
- Greenwood, J. and N. Guner. 2008. Social change. Discussion paper no. 3485. Bonn, Germany: The Institute for the Study of Labor. <https://doi.org/10.2139/ssrn.1136286>
- Guenther, K.M. 2014. Bounded by disbelief: How atheists in the United States differentiate themselves from religious believers. *Journal of Contemporary Religion* 29(1): 1–16. <https://doi.org/10.1080/13537903.2014.864795>
- Harrisson, T. and B. Harrisson. 1971. *The pre-history of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Society.
- Hasaruddin, H., S. Mania and M. Anis. 2018. Islamization in Sinjai in the 17th century: The arrival of Islam and social change. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 23(2): 339–362.
- Healy, K. 1998. *Social change: Mechanisms and metaphors*. Princeton: Department of Sociology, Princeton University.
- Hill, R.D. and V.M. Shin. 1990. Occupational and spatial, mobility in an overseas Chinese agricultural community: The Hakkas of Kudat, Sabah, Malaysia. *Journal of Social Issues in Southeast Asia* 5(2): 194–218. <https://doi.org/10.1355/SJ5-2B>
- Huebner, J. 2005. A possible declining trend for worldwide innovation. *Technology Forecasting and Social Change* 72(8): 980–986. <https://doi.org/10.1016/j.techfore.2005.01.003>
- Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Sabah, Malaysia. 2015. *Buku tahunan perangkaan Sabah 2014: Sabah statistics yearbook 2014*. Kota Kinabalu, Sabah: Jabatan Perangkaan Sabah.
- Jawdat Sa’id. 1993. *Hatta Yughayyiru Ma bi-Anfusihim*. Ras Al-Khaimah: Dar Al-Fikr Al-Mouaser.
- Jeubirin, S. 2000. *Bobolizan: Peranan dan kepentingannya dalam masyarakat Rungus tradisional*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah). 2019. Laporan aktiviti JHEAINS. <https://jheains.sabah.gov.my/galeri-foto> (accessed 13 March 2020).
- Kavanagh, D., G. Lightfoot and S. Lilley. 2021. Are we living in a time of particularly rapid social change? And how might we know? *Technological Forecasting and Social Change* 169: 120856. <https://doi.org/10.1016/j.techfore.2021.120856>
- Low, K.O. and M. Raymond. 2014. Bbahul dan hubungannya dengan kepercayaan Bbiruhui etnik Rungus di Sabah. *Kemanusiaan* 21(1): 73–102.
- Luhmann, N. 1977. Differentiation of society. *The Canadian Journal of Sociology* 2(1): 29–53. <https://doi.org/10.2307/3340510>
- Masandu, M. 1977. Koluturanan dit Gorija Protestant Sid Sabah. In *PCS Silver Jubilee Souvenir 1952–1977*. Kudat: Protestant Church in Sabah.
- Mat Zin M.K. 2003. *Kristian di Sabah 1881–1994*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamad Kamil Ab. Majid. 1998. Pemikiran Islam tentang konsep perubahan sosial Islam. *Jurnal Usuluddin* 7: 1–32.
- Mohammad Kamil Abd Majid and Rahimin Afandi Abd Rahim. 2009. Perubahan sosial dan impaknya terhadap pembentukan modal insan menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Hadhari* 1(1): 45–76.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd. Razif Abang Muis, Saifulazry Mokhtar, Irma Wani Othman, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg and Jais Abdul Hamid. 2021. Gerakan dakwah dan impaknya terhadap peningkatan komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication* 6(23): 125–139. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.623009>
- Moore, W.E. 1976. The concept of social change: A critique of the functionalist theory of social change. *American Journal of Sociology* 81(5): 1216–1218. <https://doi.org/10.1086/226201>
- Muhiddin Yussin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nisbet, R.A. 1973. *Social change*. New York: Harper & Row.
- Nottingham, E.K. 1954. *Religion and society*. New York: Random House.
- Ogburn, W.F. and S.C. Gilfillan. 1933. The influence of invention and discovery in US President's Research Committee on social trends. In *Recent social trends in the United States*, ed. W.C. Mitchell, 122–166. New York: McGraw-Hill.
- Pargament, K.I. and A. Mahoney. 2005. Theory: Sacred matters: Sanctification as a vital topic for the psychology of religion. *International Journal of Phytoremediation* 15(3): 179–198. https://doi.org/10.1207/s15327582ijpr1503_1
- Parsons, L.M. 1967. The Catholic Church in Borneo. *Sabah Society Journal* 3(3): 137.
- Pejabat Daerah Kecil Matunggong. n.d. Latar belakang daerah. <https://pdmtg.sabah.gov.my/index.php/profil-daerah/latar-belakang-daerah> (accessed 20 March 2020).
- Porodong, P. 1997. Kemiskinan dalam kalangan masyarakat Rungus di Kudat, Sabah. PhD diss., Universiti Malaya.
- . 2001. Bobolizan, forests and gender relations in Sabah, Malaysia. *Gender Technology and Development* 5(1): 63–90. <https://doi.org/10.1080/09718524.2001.11909986>
- Puetz, K. 2015. Consumer culture, taste preferences, and social network formation. *Sociology Compass* 9(6): 438–449. <https://doi.org/10.1111/soc4.12265>
- Raymond, M. 2013. Adat resam dan pantang larang suku Rungus. In *Adat resam dan pantang larang suku kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . 2015. *Rungus: Peribumi Momogun Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richard, Y. 1999. *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*. Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing.
- Rooney, J. 1981. Good news: A history of the Catholic church in East Malaysia and Brunei 1880–1976. PhD diss., SOAS University of London. <https://doi.org/10.25501/SOAS.00033712>
- Schafer, M.H. 2018. Who talks religion and what are the consequences for social ties? Unpacking a sensitive discussion topic in close networks. *Sociology of Religion: A Quarterly Review* 74(4): 395–424. <https://doi.org/10.1093/socrel/srx069>

- Smith-Hefner, N.J. 2019. *Islam, youth, and social change*. In *Islamizing intimacies: Youth, sexuality, and gender in contemporary Indonesia*, 20–39. Honolulu: University of Hawaii Press. <https://doi.org/10.2307/j.ctv7r43bt.5>
- Suraya Sintang. 2003. Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin* 18: 59–80.
- . 2005. Sejarah perkembangan mualaf di Sabah, peranan dan sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association). *Journal of Al-Tamaddun* 1(1): 51–90. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol1no1.3>
- Swanson, G.E. 1971. *Social change*. Illinois: Glenview.
- Tregoning, K.G. 1965. *A history of modern Sabah (North Borneo 1881–1963)*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Wedel, M. 2020. Social change and innovation for times of crises. *Innovation: The European Journal of Social Science Research* 33(3): 277–279. <https://doi.org/10.1080/13511610.2020.1789313>
- Yahaya Ismail. 1986. *Politik Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.
- Zakiah Hj. Muhammad. 1991. *Sejarah perkembangan dakwah agama Islam di Sabah*. Latihan ilmiah (unpublished). Universiti Kebangsaan Malaysia.